



SESI bergambar bersama seramai 69 AJK Forestry Day 2019.

## Pelajar perhutanan anjur Forestry Day 2019

UB 18.4.2019 B2

KOTAKINABALU: Pelajar perhutanan tahun 1 dan 2 dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains dan Sumber Alam berjaya menganjurkan Program Forestry Day 2019 pada Sabtu.

Program itu yang julung kalinya diadakan itu dianjurkan pelajar dengan tajaan daripada KTS Plantation Sdn. Bhd., Focus Lumber Berhad, Life Water Industries Sdn. Bhd., Mountain River dan Traverse Tour Sdn. Bhd.

Antara acara yang dijalankan semasa program berkenaan adalah larian amal, lucky draw, senam aerobik dan pameran kesedaran mengenai hari perhutanan sedunia.

Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah untuk memberi perspektif kepada para peserta serta pengunjung tentang Hari

Perhutanan Sedunia selain mengumpul dana untuk diberikan kepada Borneo Rhino Alliance.

Peserta terbuka kepada lelaki dan wanita sama ada pelajar mahupun orang awam yang berumur dalam lingkungan 13 sehingga 65 tahun. Jumlah peserta yang hadir secara keseluruhan adalah seramai 115 orang tidak termasuk ahli jawatankuasa serta tetamu kehormat.

Prof. Dr. Baba Musta selaku Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam merasmikan acara larian sekaligus merasmikan program Forestry Day 2019 diringi oleh Wilter Malandi @Azwal Aziz, selaku Ketua Program Teknologi dan Industri Kayu serta Prof. Dr. Mahmud Hj. Sudin, Pensyarah Kompleks Perhutanan Fakulti Sains Dan Sumber Alam.

Pada hari berkenaan program berjalan seperti yang dirancang dengan ketibaan peserta seawal 5.30 pagi.

Aktiviti diteruskan dengan acara senam aerobik bersama-sama tetamu kehormat pada jam 6.10 pagi. Pelepasan acara larian turut menyusul sebaik acara senam aerobik tamat pada jam 6.30 pagi.

Prof. Dr. Baba Musta berharap agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang selari dengan arus pendidikan agar dapat mencanai lebih banyak mahasiswa/i yang bersifat dinamik dan seimbang dari segi intelek dan jasmani.

Mahasiswa/i adalah tonggak utama negara pada masa akan datang. Justeru, adalah digalakkan agar pendedahan terhadap program seperti ini dipertingkatkan, katanya.